

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 15.6.2015

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menyatakan sehingga Mac 2015 berapa jumlah peminjam PTPTN yang melangsaikan hutang pinjaman dan mendapat potongan sebanyak 20% dan adakan pihak Kerajaan bercadang untuk meneruskan potongan diskaun sebanyak 20% kepada peminjam sekurang-kurangnya sehingga Disember 2015 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha menggalakkan peminjam membuat bayaran balik, insentif diskaun bayaran balik pembiayaan kepada peminjam PTPTN telah diberikan melalui Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Oktober 2014. Diskaun 20 peratus diberikan kepada peminjam sekiranya membuat penyelesaian secara sekali gus dalam tempoh 10 Oktober 2014 hingga 31 Mac 2015. Dalam tempoh tersebut, sehingga kini seramai 39,239 orang peminjam yang telah dilaraskan akaun pembiayaannya diberi diskaun 20 peratus kerana telah membuat penyelesaian pinjaman secara sekali gus. Jumlah yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM348.46 juta dengan pemberian diskaun kepada peminjam berjumlah RM87.12 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian buat masa ini masih meneliti akan cadangan pemberian diskaun 20% sehingga Disember 2015 ini.

RJM92